

NewspaperSG

Mahkota silat nasional bertukar tangan

Berita Harian, 26 October 2013, Page 30

 Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Mahkota silat nasional bertukar tangan

Kelab Grasio dinobatkan
sebagai juara baru
selepas Saiedah dilucut
pingat emas dalam
Kelas E

SELEPAS SAIEDAH DIKESAN AMBIL BAHAN TERLARANG

YUSOFF A. RAHMAN yusoff@sph.com.sg

GARA-GARA isu dadah, kini Kelab Grasio menggondol setiap kategori Kejohanan Pencak Silat Nasional yang diadakan pada April lalu.

Bekas juara dunia, Saiedah Said, dari Al Haq yang menewaskan pesilat Grasio, Nur Shazira Osman, 5-0 dalam Kelas E, te-

lah didapati bersalah mengambil bahan terlarang, Nor-Sibutramine dan Oh-Nor Sibutramine, semasa kejohanan tersebut.

Akibatnya, Anti Dadah Singapura (ADS) menggantung Saiedah selama dua tahun dan keputusan itu terus dikekalkan sekalipun Saiedah membuat rayuan terhadap penggantungan tersebut.

Menyusuli penggantungan itu, kemenangan Saiedah dalam kejohanan tersebut telah dibatalkan.

Ini bermakna Nur Shazira kini diisytiharkan sebagai pemenang pingat emas dan sekali gus mengubah kedudukan keputusan, pingat, pungutan mata dan hadiah dalam acara tanding.

Sebelum ini, juara kategori tanding telah diboloti oleh Seligi Tunggal Angkatan setelah memenangi lima pingat emas, tiga perak dan dua gangsa.

Kini, Grasio, yang sebelum ini memenangi empat emas, enam perak dan dua gangsa, bertukar kedudukan pungutan pingat dengan lima emas, lima perak dan dua gangsa.

Ia bererti Grasio mengatasi Seligi Tunggal Angkatan dengan kelebihan dua pingat perak.

Majlis menyerahkan piala pusingan kategori itu dan juga pingat emas telah diadakan di Persisi kelmarin.

Setiausaha Agung Persisi, Isiah Majid, telah menyerahkan piala pusingan dan pingat tersebut kepada setiausaha agung Grasio, Saadiah Sanuse, kelmarin.

Mengulas tentang perubahan kedudukan Grasio, Saadiah berkata: "Berita mengenai kejayaan Grasio menjadi juara keseluruhan dalam setiap kategori kejohanan ini membuat para pesilat melonjak kegembiraan.

"Ini bermakna Grasio berjaya meng-

gondol kategori tanding dan sekali gus merebut piala pusingan kategori ini.

“Dalam pada itu, saya dan para pesilat Grasio juga berasa sedih dengan masalah yang menimpa Saiedah. Kami berharap Saiedah akan dapat mengatasi segala kesukarannya.

“Sebagai rakan pesilat, kami akan sentiasa bersama Saiedah.”

Menurut Saadiah, beliau berharap Pergerakan Silat Seligi Tunggal Angkatan tidak akan kecewa dengan berita ini.

Sebanyak lapan kategori telah ditanamkan dalam Kejohanan Pencak Silat Nasional.

Ini kali kedua Grasio membolot kesemua kategori yang dipertandingkan dengan memenangi 53 pingat emas, 21 perak dan sembilan gangsa.

Seligi Tunggal Angkatan menduduki tempat kedua dengan 18 pingat emas, 19 perak dan 9 gangsa, sementara Sendeng Belalang memungut enam emas, lapan perak dan 10 gangsa.


“Dalam pada itu, saya dan para pesilat Grasio juga berasa sedih dengan masalah yang menimpa Saiedah. Kami berharap Saiedah akan dapat mengatasi segala kesukarannya. Sebagai rakan pesilat, kami akan sentiasa bersama Saiedah.”

– Setiausaha agung Grasio, Saadiah Sanuse.



PENYERAHAN PIALA PUSINGAN: Setiausaha Persisi, Isiah Majid (*kiri*), menyerahkan piala pusingan kategori silat landing kepada Setiausaha Agung Grasio, Saadiah Sanuse, di ibu pejabat Persisi kelmarin. – Foto-foto PERSISI

...
– Foto-foto PERSISI



NUR SHAZIRA OSMAN: Pesilat dari pasukan Grasio kini menjuarai Kelas E selepas Saiedah Said dari Al Haq didapati bersalah mengambil bahan terlarang.